

**PENGARUH KEPERCAYAAN PRA-ISLAM DALAM MANTERA: SATU
PENELITIAN TERHADAP BUDAYA PERUBATAN TRADISIONAL
MELAYU, DAERAH RAMAN, WILAYAH YALA**

*THE INFLUENCES OF PRE-ISLAMIC BELIEF IN THE MANTRA: AN
ANALYSIS OF THE MALAY TRADITIONAL MEDICAL CULTURE IN
RAMAN DISTRICT OF YALA*

Saliha Musor

Faculty of Arts and Social Sciences

Fatoni University of Thailand

salmi_hah@hotmail.com

ABSTRAK

Masyarakat Melayu, walau pun sudah lama berabad menerima agama Islam, tetapi pengaruh kepercayaan sebelumnya masih melekat terutama sekali kepercayaan anemisme dan Hindu-Buddha. Hal ini dapat dilihat dalam budaya perubatan tradisional Melayu yang para bomoh atau “tok bomo” masih menggunakan mantera sebagai alat untuk memulih penyakit disamping menggunakan ubat-ubatan yang lain. Hal ini sangat penting kerana, dari pengasimilasian mantera dari semasa ke semasa dengan kepercayaan baharu inilah kita akan dapat memahami cara masyarakat Melayu mengubah suai dalam hal-hal yang lain khususnya yang berkaitan dengan kepercayaan.

Kata Kunci: mantera, kepercayaan, bomoh, penyakit, budaya

ABSTRACT

Despite Islam has been deeply rooted in Malay for decades, the influence of ancient beliefs, especially animism and Hindu-Buddhism, is included in the traditional cure practiced by Tobormors (traditional folk doctors), together with incantation and medicine to cure diseases. However, incantation has gradually been adapted period by period. This is the importance reflection of observing and understanding the traditional Malay beliefs.

Keyword: Incantation, belief, tobormors, medicine, culture

PENGENALAN

Mantera dipercayai warisan tempatan, yang telah menjadi amalan dalam masyarakat Melayu sebelum dipengaruhi budaya luar. Konsep dan amalan yang berkaitan dengan mantera jelas menerangkan kepercayaan warisan orang Melayu, iaitu animisme yang berkaitan dengan semangat, pantang larang, kuasa-kuasa halus dan mana. Apabila tersebar pengaruh agama Hindu-Buddha ke alam Melayu maka mantera diselitkan dengan nama-nama dewa dewi yang berkaitan dengan agama itu. Tetapi setelah datang Islam tersebar maka wujudlah pembauran Islam dengan warisan dan secara tidak langsung fenomena ini berlaku juga kepada penggunaan mantera. Struktur lama masih digunakan tetapi sudah diberi pakaian Islam seperti diawali dengan bismillahirrahma nirrahim dan disudahi dengan kalimat lailahailallah atau nama dewa dewi Hindu-Buddha diganti dengan nama Allah, malaikat, nabi atau nama nama sahabat. Beginilah keadaan yang lazim diperoleh dari beberapa hasil penyelidikan yang sudah terkumpul. Mantera yang terdapat dalam budaya perubatan tradisional di daerah Raman, wilayahYala juga mengalami situasi yang sama.

Perubatan Melayu Tradisional Sepintas lalu

Orang Melayu dalam masyarakat tradisional mempercayai bahawa penyakit yang dideritai oleh seseorang itu adalah akibat daripada kuasa ghaib. Untuk mengubati penyakit tersebut diperlukan bomoh yang dikatakan ahli dalam mengubati pesakit atau mengusir penyakit. Keahliannya itu dikatakan dipelajari atau diwarisi daripada datuk neneknya. Dukun atau bomoh itu dipercayai mempunyai kekuasaan luar biasa yang boleh menghapuskan segala kejahatan dan memusnahkannya. Berdasarkan kepercayaan itu, masyarakat Melayu tradisional banyak bergantung kepada dukun atau bomoh untuk mengubati penyakit mereka. Dalam upacara perubatan “mantera” merupakan alat atau senjata hikmat dipercayai mempunyai kuasa luar biasa yang dapat mengatasi kekuatan kuasa ghaib dan segala penyakit (Ismail Hamid, 1988:140).

Peranan dukun, pawang, bomoh atau dikelali dengan istilah “tok bomo” dalam masyarakat Melayu Patani bukan hanya berperanan mengubati penyakit sahaja tetapi memberi perkhidmatan apa jua yang dihajati oleh ahli dalam masyarakat. Dengan itu perubatan tradisional Melayu sangat luas ruang lingkungannya memandangkan masalah kesihatan dan keuzuran adalah masalah yang mendatangkan kesan daripada pelbagai aspek. Kesannya disedari segi ekonomi, politik, sosial, dan budaya. Perubatan tradisional Melayu selain merujuk kepada perubatan segala penyakit, terdapat juga persoalan-persoalan seperti urusan membina rumah dan rumah tangga, masalah mencari jodoh, mendapatkan kerja, tarikh sesuai untuk memulakan perjalanan, ilmu pengasih, pembenci, pendinding, pengeras semangat, pelaris, tarikh sesuai untuk mengadakan majlis walimah dan sebagainya. Ringkasnya mereka dapat menyediakan perkhidmatan yang berbagai-bagai yang diperlukan oleh anggota masyarakat yang menghadapi berbagai-bagai masalah. Dan dalam kepelbagaian perkhidmatan itu mantera merupakan alat atau senjata hikmah yang dapat melawan atau menghapuskan perkara yang dideritai atau menjadi masalah. Perbezaan di antara seorang bomoh dengan

yang lain ialah bidang kepakarannya dan taraf kepakaran masing-masing. Dengan itu wujudlah istilah-istilah panggilan seperti bomoh patah, bomoh ular, bomoh kayat, bomoh hantu, dan sebagainya.

Mantera menjadi satu komponen wajib dalam pengubatan. Bahkan, tanpa pengucapan atau pembacaan mantera, sesuatu pengubatan itu dipercayai tidak memberikan kesan ataupun mengurangkan keyakinan orang yang diubati. Samalah keadaannya dengan perubatan moden satu ketika dahulu, penyakit yang menerima rawatan mahukan mereka diberikan suntikan. Tanpa suntikan, seolah-olah mereka tidak diubati dan sudah pasti kesannya kurang meyakinkan. Oleh itu terdapat pelbagai mantera yang diucapkan oleh para bomoh dalam proses perubatan mengikut penyakit-penyakit yang tertentu.

Pengertian Mantera

Mantera adalah sejenis puisi tradisional Melayu yang berbentuk bebas tidak terikat sama ada daripada aspek rangkap, baris, dan jumlah perkataan dalam sebaris atau pun rimanya. Mantera tergolong dalam kelompok puisi kerana pengucapan dalam mantera menggunakan kata-kata yang tersusun dalam bentuk rangkap, mempunyai makna yang tersirat, bahasa yang padat dan puitis. Dari segi penggunaan bahasanya, mantera digubah dengan bahasa yang khusus dan sukar difahami oleh kebanyakan orang. Malah, pawang atau bomoh sendiri pun, jika ditanya makna bahasa tersebut tidak dapat menerangkannya (Mutiara sastera Melayu Tradisional, 2010:360).

Menurut Abdul Halim Ali (2006) istilah mantera berasal daripada kata mantra, mantr atau matar dalam bahasa Sanskrit yang bermaksud nyanyian memuja tuhan atau pemujaan penyebutan kata-kata tertentu bagi memperolehi sesuatu yang dihajatkan. Takrif yang diberi oleh Kamus Dewan Edisi Ketiga (1997:859) pula mantara membawa maksud kata atau ayat yang apabila diucapkan dapat menimbulkan kuasa ghaib untuk menyembuhkan penyakit dan lain-lain. Manakala Gimlette dalam buku Pandangan Semesta Melayu Mantera (2007) mentakrifkan

mantera sebagai “a prayer-charm” atau formula magis. Beliau menterjemahkannya sebagai jampi (Noriah Taslim, 2010:75).

Dalam penggunaan harian, orang Melayu menggunakan istilah jampi, serapah atau gabungannya, iaitu jampi serapah apabila merujuk bacaan atau ucapan-ucapan puitis yang diucapkan oleh bomoh. Mantera terlalu asing bagi orang Melayu biasa. Daripada pengkaji, ternyata sukar hendak dibezakan antara mantera, jampi dengan serapah. Jampi dan serapah itu ialah mantera. Maknanya dalam mantera ada jampi dan serapah. Namun demikian, Harun Mat Piah (1989:479) lebih gemar menggunakan perkataan mantera untuk merangkumi semua jenis pengucapan dalam bentuk puisi atau prosa, yang mengandungi tujuan konotasi magis. Dengan itu mantera, serapah, dan jampi dianggap mempunyai pengertian yang sama, iaitu kata yang dipercayai mempunyai kuasa luar biasa atau kuasa ghaib. Oleh itu, penggunaan istilah mantera dalam makalah ini merangkumi serapah dan jampi. Selain itu, kata-kata mantera juga dianggap meliputi bukan sahaja ucapan tetapi nombor aksara, dan garis-garis yang ditulis pada kertas, kain, batu, dan sebagainya yang dijadikan azimat dan tangkal. Nombor, aksara, dan garis dianggap sebagai kata-kata yang telah terucap dan diterapkan ke dalam bentuk tampak.

Penghasilan dan kepentingan mantera dalam masyarakat tradisional itu merupakan sebahagian penting amalan kehidupan harian yang berteraskan kepercayaan warisan. Mantera dapat memberikan keyakinan kepada anggota masyarakat bagi mereka berusaha menghadapi cabaran dan mengatasi berbagai-bagai masalah dalam kehidupan harian. Misalnya, mereka berusaha untuk menguasai atau memahami cabaran alam sekitar. Oleh sebab mereka tidak dapat mengemukakan pemikiran yang saintifik dan empirikal, maka segala tindakan dan permasalahan yang dihadapi oleh mereka dikaitkan dengan kuasa luar biasa (Noriah Mohamed, 2006: 131-132).

Kewujudan mantera dalam masyarakat Melayu mungkin seusia dengan masyarakat itu sendiri kerana sejak zaman purba, ketika masyarakat Melayu berkepercayaan animisme, mantera

telah digunakan oleh bomoh untuk berhubung dengan kuasa ghaib. Kedatangan pengaruh Hindu-Buddha yang menggantikan unsur dewa dewi telah menguatkan lagi penggunaan mantera. Hal ini kerana Mantera dalam agama Hindu dianggap sebagai 'wahyu', kerana itu isi mantera tidak boleh diubah.

Mantera dalam Budaya Perubatan Tradisional Melayu di daerah Rama, Wilayah Yala

Daerah Raman, wilayah Yala adalah salah satu daerah yang mempunyai tradisi perubatan secara tradisional kekal sehingga hari ini. "Tok bomo" di daerah ini juga seperti bomoh atau pawang dalam masyarakat Melayu di tempat lain. Iaitu memberi perkhidmatan apa jua yang dihajati oleh pelanggannya. Ada juga "tok bomo" yang mempunyai kepakaran dalam satu bidang secara khas seperti, bomoh tulang, bomoh hantu, bomoh untuk buat azimat atau tangkal, bomoh pendinding, bomoh gila mengiye atau bomoh gila meroyan, bomoh kaghe atau bomoh batu karang dan lain-lain. Dalam makalah ini penulis akan senaraikan mantera yang mewakili pengaruh pra-Islam sahaja sama ada pengaruh kepercayaan animisme dan Hindu-Buddha dalam budaya perubatan di daerah tersebut. Jika diteliti mantera dalam budaya perubatan tradisional Melayu di daerah Raman kita akan terlihat pengaruh animisme masih mendalam dikalangan "tok bomo". Biasanya pengucapan yang ditujukan kepada makhluk tertentu itu diperlahankan suara pengucapannya. Dan sengaja membaca ayat-ayat suci alQuran dengan suara yang kuat.

Mantera berpengaruh kepercayaan animisme

Mantera mengurut Hei nenek suso nenek sasa Hei bomo suso bomo sasa Hei bidang suso bidang sasa Lek ibu lek bapa marilah Aku nak jadi tok bomo Marilah tengok aku nak jadi tok bomo ning Minta Tuhan beri sia. diikuti dengan ayat Qursi Pengucapan mantera di atas jelas sekali bomoh meminta pertolongan dari nenek moyangnya untuk memulihkan atau menghilangkan

penyakit. Permintaan supaya nenek dan moyang hadirnya itu mencerminkan pengaruh kepercayaan animisme begitu mendalam. Kerana kepercayaan kepada arwah datuk nenek adalah salah satu dari kepercayaan animisme.

mantera mengubat urat geliat

Indiwadi wainni wanikan
Aku tahu akan asal usulmu
Dia tu bulu kulit aku.
Wadi tu daging darah aku.
Wanikan bulu otok asal dari urat tulang.
Asal dari daging darah.
Asal dari roh dan otok aku. ...mu jangan tukar zat.
Mu jangan tukar bayang.
Mu jangan tukar tempat.
Mu jangan tukar nama.
Masing-masing ambil zat.
Masing-masing ambil tempat.
Masing-masing ambil bayang.
Masing-masing ambil nama.

Dengan perkataan lailaha illallah
Muhammadurrasulullah.

Mantera mengubat urat geliat juga memperlihatkan pengaruh kepercayaan kepada semangat yang merupakan salah satu dari pengaruh kepercayaan animisme. Dalam kepercayaan orang Melayu semangat wujud juga pada manusia. Kewujudan semangat pada diri manusia itu lebih banyak terletak pada anggota tubuh badannya. Seperti wujud pada uri, pada setiap anggota tubuh badan. Dalam mantera mengubat urat geliat ini jelas bomoh menyeru dan meminta supaya semangat jangan bertukar tempat, lari dan menukar kepada nama yang lain sebab akan membawa keburukan kepada pemilik anggota badan itu.

Mantera Mengubat Penyakit Hantu

Waiza batoston batoston jabbari.
Alam tazakaifa farmalurab (3 kali)
Allah menawa akan sekalian yang bisa.
Hei Mubung ketika dalam syurga.
Minta padam api nereka, api pun padamlah.
Yang panas aku mintamu sejuk.
Buat yang bisa aku minta tawar.
Tawa Allah. Tawa Muhammad.
Tawa baginda rasullullah.

Mantera Mengubat Penyakit Hantu pula, jelas tampak kepercayaan kepada hantu salah satu daripada pengaruh kepercayaan animisme juga iaitu dalam mantera di atas ialah “mubung”. Dalam kepercayaan orang Melayu ada hantu-hantu yang boleh membantu tuannya melakukan apa sahaja suruhan tuannya itu. Dalam mantera di atas bomoh meminta pertolongan dari hantu yang bernama “mubung”. Sebelum permintaan dipinta terdapat pengucapan dalam bentuk memuja terlebih dahulu iaitu dengan membesar-besarkan mubung itu kononnya berasal dari syurga. Keagungan dan kebesaran “mubung” ditambah lagi dengan permintaan dalam pengucapan “Minta padam api nereka, api pun padamlah. Yang panas aku mintamu sejuk. Buat yang bisa aku minta tawar.” Dalam mantera kuasa yang diberi kepada “mubung” itu melebihi-lebih sehingga dapat memadam api neraka dan dengan bantuan dari mubung itulah pembaca mantera dapat mereda atau memulih dan menghalau penyakit, panyakit di sini ialah penyakit yang dipercayai dirasuk oleh hantu.

Ilmu Pengasih,

Assalamualaikum,
hei raja roh, raja semangat aku.
Mu pergi ambil raja roh, raja semangat si anu.
Bawa mari sama-sama dengan aku.

Beri boleh tidur sebatang dengan aku.
Beri boleh berjalan sama-sama dengan aku.
Sebalik kiri aku. Aku ke darat mu ke darat.
Aku ke laut, mu ke laut.
Hei raja roh, raja semangat aku.
Jikalau mu pergi ambil si anu.
Mu bawa mari bersama dengan aku.
Jikalau tidak boleh,
derhakahlah kau kepada Allah.

Mantera ilmu pengasih jelas nampak kepercayaan kepada semangat yang merupakan kepercayaan animisme. Semangat berlainan dengan nyawa, semangat tidak berasal dari roh manusia yang telah mati, tetapi adalah satu bentuk kekuatan ghaib yang tidak mempunyai peribadi, tetapi boleh membawa kesan yang penting dalam kehidupan manusia; kadang-kadang semangat juga ditafsirkan sebagai serupa dengan nyawa. Untuk memanggil semangat mantera perlu dibaca. Mantera ilmu pengasih di atas adalah salah untuk memanggil semangat, dan membawa konotasi tuan empunya badan semangat yang disuruh semangat diri pergi ambil itu menjadi miliknya.

Mengikuti kepercayaan orang Melayu kehilangan semangat daripada diri seseorang itu akan membawa kecelakaan kepada manusia. Untuk memulihkan semangat diri seseorang, perlu dipanggil atau bomoh akan melakukan upacara untuk memulih kekuatan semangat itu sehingga ia kembali ke dalam diri atau benda yang berkenaan.

Mantera berpengaruh kepercayaan Hindu-Buddha

Pengaruh kepercayaan Hindu-Buddha dalam mantera budaya perubatan Malayu tradisional di kalangan tok bomoh daerah Raman, wilayah Yala tidak terserlah sangat jika berbanding dengan pengaruh animisme yang begitu terserlah dalam mantera yang digunapakai oleh para tok bomoh di daerah tersebut. Pengaruh Hindu-buddha dapat dilihat hanya dalam perubatan penyakit angin

sahaja. Dalam upacara perubatan tok bomo akan membaca mantera bangkit semangat pesakit kononnya berasal dari keturunan raja dan dewa. Lihat mantera di bawah:

Mantera berubat penyakit angin

Kumo mung kumo raja,
kumo mung kumo dewa
Kumo mung kumo bersaih jijang beradam
Asa kumo peluh nabi
Adam Asal miyang raja kayu
Asal berasap di hujung batu
Kumo cekup bulan penuh purnama
Kumo cekup di tekak nyinyang
Kumo cekup belakang hadapan
Kumo ceku sisiku peluang
Kumo cekup belakang hadapan
Kumo cekup pinang belana

Pengaruh Hindu-Buddha dalam mantera di atas dapat dilihat bahagian yang mengatakan “Kumo mung kumo raja kumo mung kumo dewa”. Pembangkitan semangat atau angin pesakit yang kononnya berasal dari raja dan dewa itu jelas adalah pengaruh yang diwarisi dari agama Hindu- Buddha yang mempercayai kepada dewa-dewa. Dan konsep devaraja merupakan tradisi Brahmin yang beranggapan bahawa raja sebagai dewa. Selain itu pada ayat yang mengatakan “Asa kumo peluh nabi Adam” walaupun nabi Adam nampak seperti mantera ini sudah dipengaruhi oleh agama Islam, tetapi pada ayat tersebut terdapat unsur mitos yang diwarisi daripada agama Hindu-Buddha iaitu dari dewa ditukar kepada nabi Adam yang memberi maksud pesakit ituberasal daripada peluh nabi Adam.

KESIMPULAN

Cerminan dari mantera dalam budaya perubatan Melayu tradisional yang telah dikemukakan memberi gambaran kepada kita bahawa walaupun masyarakat Melayu telah lama menganut agama Islam yang mengesakan, Allah tetapi pengaruh kepercayaan yang diterima turun-temurun daripada nenek moyang mereka sebelum kedatangan Islam masih ada serpihannya. Mantera yang digunakan oleh para tok bomo itu terkeluar dari apa yang diperharuskan para ulama iaitu:

1. Dengan al-Quran, nama-nama Allah atau sifat-sifatnya
2. Dengan bahasa Arab atau bahasa lain yang difahami maksudnya
3. Mempercayai bahawa jampi tidak memberi kesan tetapi berkesan dengan takdir Allah

Dari fatwa nombor (1257), di mana majlis fatwa al-lujnah al-Daimah menegaskan bahawa nabi Muhammad telah mengizinkan untuk melakukan jampi yang menggunakan ayat al-Quran, azkar, dan doa yang tidak mengandungi unsur syirik atau ucapan yang tidak difahami maksudnya, kerana imam Muslim dalam kitab sahihnya, telah meriwayatkan daripada Auf bin Malik ia berkata “Kami mengamalkan jampi pada zaman jahiliah, setelah Islam kami bertanya rasullullah, ya rasullullah! Apakah pandangan baginda terhadap yang demikian? Maka rasullullah menjawab, “Bentangkan dahulu jampi kamu itu, tidak mengapa mengamalkan jampi selama ia tidak mengandungi unsur syirik” (Muhammad Idris Dereh, 2011:20-21).

Dapat disimpulkan bahawa mantera atau jampi yang menggunakan ayat al-Quran atau surah-surah di dalam al-Quran adalah harus hukumnya dengan ijmak para ulama. Begitu juga dengan jampi yang menggunakan azkar atau doa adalah harus, selama tidak mengandungi unsur syirik serta dipercayai bahawa kesemuanya merupakan asbab sahaja, ia tidak boleh memberi kesan apa-apa kecuali dengan izin Allah. Jika melihat mantera yang digunakan oleh para “tok bomo” yang telah dikemukakan itu

kesemuanya berkaitan dengan kuasa ghaib dan dewa dalam agama Hindu-Buddha. Dari itu, kita dapat gambaran secara tidak langsung bagaimana masyarakat Melayu menerima dan juga mengubah suai ajaran pra-Islam dengan ajaran Islam. Terbukti bahawa kepercayaan asal mereka atau kepercayaan animisme sangat melekat dalam mantera. Mereka mengguna ayat-ayat al-Quran, kalimah-kalimah yang yang memperlihatkan adanya pengaruh Islam, nama nabi atau rangkaian kata syahadah yang bercampur aduk dengan pengaruh animisme dan Hindu-Buddha. Pengamalan sedemikian itu adalah syirik, namun hakikat ini hanya disedari oleh golongan yang terpelajar sahaja di kalangan masyarakat awam sebilangan besar masih mengamalkannya. Walau pun kesedaran terhadap Keesaan Ilahi, namun mereka tidak menghapuskan secara total kepercayaan dahulunya. Bahkan percampuran itu di anggap “boleh” dalam erti kata “ikhtiar”.

Sebenarnya pertelingkahan yang berlaku dalam masyarakat Melayu sejak dahulu hingga kini disebabkan ketidaktahuan amalan dan pengangan sesetengah mereka terpesong dengan ajaran Islam. Ibarat macam memakai pakaian Islam sahaja pada teks mantera tetapi isi kandungan masih kekal bahkan menyamakan dan kadangkadangkang mengagungkan makhluk-makhluk halus yang mereka menyakini dapat membantu atau menyampaikan matlamat yang dihajati. Inilah yang berlaku dengan teks mantera yang dapat dari tinjauan kajian lapangan begitu juga dengan fenomena yang berlaku dengan mantera tempatan.

RUJUKAN

- Abdul Halim Ali (2006). *Mendekati Puisi Melayu Tradisional*. Tanjong Malim: Penerbit Profesional Baharu
- Ismail Hamid (1988). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Idris Derih (2011). *Tradisi Perbidanan di Kalangan Masyarakat Islam Kerung Pinang*, Jala: Suatu Kajian Mengenai Upacara, Amalan dan Kepercayaan. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Yala.

- Noriah Mohamed, (2006). Sentuhan Rasa dan Fikir dalam Puisi Melayu Tradisional. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Noriah Taslim (2010). *Lisan dan Tulisan Teks dan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rogayah A. Hamid, dan Mariyam Salim (2007). *Pandangan Semesta Mantera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rogayah A.Hamid. (2010). *Mutiara Sastera Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.